



“Apabila terhadnya bahasa saya, maka terhadlah dunia saya.”
– Ludwig Wittgenstein

Bahasa Melayu di Puncak Tertinggi

FASAL 152, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Perlembagaan Malaysia 1963, menyebutkan bahawa bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan akan kekal seperti itu seperti yang diperuntukkan oleh Parlimen, dengan bahawa (a) tidak ada seseorang pun yang akan dihalang dari menggunakan (kecuali hal-hal rasmi), atau mengajar atau mempelajari bahasa-bahasa lain dan (b) tidak ada sebarang peruntukan dalam fasal ini yang boleh mengganggu hak kerajaan Persekutuan atau sebarang kerajaan negeri untuk memelihara dan memperkembangkan penggunaan dan pengkajian bahasa komuniti lain (1972. “Perlembagaan Persekutuan (Terjemahan)”. Kuala Lumpur: Jabatan Peguam Negara, Jabatan Cetak Kerajaan).

“Bahasa Jiwa Bangsa” merupakan kata hikmah yang tepat bagi menggambarkan kedudukan bahasa dalam hubungannya dengan kekuatan sesebuah bangsa atau negara, malah lebih luas lagi, bahasa bagi seseorang ibarat cerminan alam yang berada di sekelilingnya sebagaimana yang diungkapkan oleh Ludwig Wittgenstein, “*The limits of my language are the limits of my world.*”

Bahasa yang berwibawa dan indah mampu menyampaikan sesuatu isi pemikiran yang besar dan

tinggi dengan lebih menarik dan berkesan serta berkeupayaan untuk menampung pemikiran yang sarat dengan makna yang halus dan rumit. Sesuatu bahasa akan menjadi lebih unggul apabila dikaitkan dengan peradaban besar yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Seorang pelayar dan pedagang Inggeris yang bernama Thomas Bowrey telah menulis kamus Bahasa Inggeris-Melayu pada tahun 1701, membuat kenyataan bahawa “... in all the the islands of Sumatera, Java, Borneo, Maccassar, Batee, Cumbava,

Sallayer, Bootoon, Booro, Ceram and Mollucas, the Malay language is received and generally used in all the Trading Ports of those islands.”

Yang lebih penting, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa ilmu dan intelektual. Penggunaannya bukan sekadar terbatas sebagai bahasa ilmu oleh para mubaligh yang menjalankan dakwah dan guru yang mengajar di sekolah, malah bahasa ini sebagai alat untuk menyampaikan pemikiran intelektual yang tinggi seperti falsafah teologi dan tasawuf Islam oleh para ilmuwan

Kepelbagai bangsa di negara ini dapat disatukan dengan satu bahasa.

Islam tersohor yang berperanan membina akal dan jiwa ilmiah masyarakat di Nusantara.

Kekuatan bahasa Melayu berkait rapat dengan peradaban Islam yang telah menguasai tiga perempat dunia ketika bahasa ini sampai ke alam Melayu dan maju ke hadapan dalam perkembangan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang melalui perantaraan bahasa Arab. Bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh perbendaharaan kata bahasa Arab yang secara tidak langsung meningkatkan keupayaannya sebagai bahasa ilmu yang bersifat antarabangsa sebagaimana bahasa Arab berperanan mengembangkan pelbagai ilmu dalam tamadun Islam.

Namun begitu, setelah Malaysia mencapai kemerdekaan lebih dari 65 tahun, masih banyak warganegara Malaysia yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu. Masih banyak syarikat yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam urusan pentadbiran mereka. Masih banyak papan tanda yang terpampang tidak menggunakan bahasa Melayu. Masih banyak ejaan bahasa Melayu yang salah tatabahasanya di merata tempat, terutama dalam majalah, buku, papan tanda dan sebagainya. Di media massa pula terutamanya televisyen masih banyak rancangan tidak menggunakan bahasa Melayu yang betul, masih banyak drama yang tajuknya bercampur aduk dengan bahasa Inggeris dan masih banyak pengacara program yang bercakap dalam bahasa campuran.

Di mahkamah juga bahasa Melayu belum dimartabatkan sepenuhnya. Paling menyedihkan apabila terdapat kajian yang menunjukkan bahawa generasi muda daripada sesetengah kaum tertentu yang tidak tahu berbahasa Melayu. Ada golongan yang memperjuangkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik. Pandangan mereka diberikan ruang dalam akhbar tempatan tertentu sehingga ada suara yang berpendapat bahawa bahasa Inggeris

sebagai bahasa penyatuan untuk negara ini.

Bahasa Melayu merupakan jati diri bangsa yang perlu diperteguh terus menerus, manakala kemahiran berbahasa Inggeris atau mempelajari bahasa-bahasa tambahan lain akan menambahkan daya saing bangsa Malaysia di persada global. Kita harus sedar bahawa dunia satu bahasa atau *monolingual* sudah tiada lagi. Maka itu, memanglah bangsa kita akan kerugian jika rakyat Malaysia tidak menguasai bahasa asing yang diperlukan itu dengan baik.

Cuma kita memerlukan persepsi yang betul dan jelas. Belajarlah bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain, tetapi tidak melupakan bahasa kebangsaan. Kita memerlukan gerakan psikologi kesedaran berbahasa. Kita perlu meneguhkan dan menegakkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara dan pacakkan pancang menjadikannya sebagai satu daripada bahasa komunikasi antarabangsa yang berpengaruh bermula di wilayah Nusantara ini.

Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan dalam usaha meninggikan tahap kesedaran terhadap bahasa dan persuratan bangsa terutama oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Selama ini, pelbagai program seperti Bulan Gerakan Bahasa Kebangsaan, Gerakan Cintailah Bahasa Kita dan Minggu Sastera Negara menjana sikap rakyat pelbagai kaum ke arah kenal dan cinta akan bahasa kebangsaan. Lagu *Bahasa Jiwa Bangsa* berkumandang di segala ceruk rantau negara setiap kali program dan kegiatan kebahasaan dilaksanakan.

Natijah daripada setiap pelaksanaan program ini adalah untuk mengangkat kesedaran daripada setiap lapisan rakyat untuk menghayati dan menjulang keberhasilan sebuah bahasa kebangsaan.

Sikap terlalu mengagungkan bahasa Inggeris turut merendahkan martabat penggunaan bahasa Melayu. Wujudnya aliran penggunaan bahasa yang seolah-olah berasaskan stratifikasi sosial, iaitu bahasa Melayu dianggap seolah-olah digunakan oleh hanya golongan berpendidikan rendah dan rakyat biasa, manakala golongan atasan, elit, profesional, komuniti korporat dan yang berpendidikan tinggi dari luar negara lebih mesra menggunakan bahasa Inggeris.

Demikian juga sesetengah warga Malaysia lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa campuran termasuk ketika diwawancara oleh media tempatan, majlis umum, persidangan dan sebagainya. Sedangkan rata-rata orang yang menghadiri wawancara atau majlis tersebut merupakan orang Malaysia sendiri. Sepatutnya apabila berbicara dalam majlis begini gunakanlah bahasa Melayu kerana itulah bahasa kebangsaan.

Polemik kedudukan bahasa Melayu sering berlaku dan tidak putus-putus mengalami tampanan dan bual bicara pelbagai pihak. Harus diakui, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang mengikuti piawaian yang ditetapkan oleh DBP Bahasa Melayu lebih daripada 80 peratus kognitif dengan bahasa Indonesia dan dituturkan secara asli oleh lebih daripada 10 juta penutur. Bahasa Melayu



Penggunaan bahasa Melayu menambahkan kemesraan antara kaum di negara ini.

dituturkan sebagai bahasa kedua oleh 18 juta orang, sebahagian besar daripada etnik minoriti Malaysia.

Kepentingan bahasa Melayu sebagai wadah terpenting, selain wadah pendidikan dan kebudayaan kebangsaan adalah untuk membentuk keperibadian bangsa Malaysia bersemboyankan gagasan “satu bahasa, satu bangsa dan satu nusa”, tidak sewajarnya disangsikan oleh sesiapa pun dan mana-mana pihak. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu bukanlah bahasa asing, malah bahasa ibunda yang mampu menguatkan semangat satu bangsa, menyerapkan roh sebangsa, senegara dan menyemarakkan jatidiri kebangsaan lawannya identiti perkauman, di samping pendaulation bahasa kebangsaan yang menjadi bukti ketaatsetiaan, penghormatan dan pemuliaan terhadap nusa tercinta. Sebaliknya, bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan jugalah yang berperanan sebagai bahasa ilmu dalam segenap bidang, bahasa pentadbiran, bahasa ekonomi, bahasa sosial dan bahasa peradaban moden.

Kita harus sedar bahawa wasilah terpenting untuk membentuk bangsa Malaysia ialah bahasa kebangsaan atau bahasa Melayu kerana “Bahasa Jiwa Bangsa”. Hal ini bermakna, apa-apa bahasa yang kita daulatkan, maka bahasa itulah yang akan membentuk jiwa kita. Dalam konteks pembinaan bangsa Malaysia dan kemajuan negara menurut acuan kemalaysiaan sendiri, pendaulation hanyalah kepada bahasa kebangsaan, bukannya bahasa-bahasa asing. Inilah prinsip akar umbi yang seharusnya kita junjung dan pegang teguh, jika benar kita serius untuk menghakikatkan gagasan pembentukan bangsa Malaysia, seperti kata pepatah, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Bahasa Melayu diperkukuh melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang menentukannya sebagai bahasa rasmi tunggal. Pindaan dalam Akta Perlembagaan 1971 pula menetapkan status bahasa Melayu



Kita harus sedar bahawa wasilah terpenting untuk membentuk bangsa Malaysia ialah bahasa kebangsaan atau bahasa Melayu kerana “Bahasa Jiwa Bangsa”.

sebagai bahasa kebangsaan tidak boleh dipersoalkan. Mereka yang berbuat demikian boleh didakwa di bawah Akta Hasutan 1984. Bahasa rasmi negara juga tidak boleh dipinda tanpa persetujuan Majlis Raja-raja.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu pula diwartakan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Akta Pendidikan menetapkan bahawa kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam semua sistem pendidikan negara baik pada peringkat sekolah mahupun pengajian tinggi.

Hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah asas keterampilan sesuatu bangsa dapat digambarkan melalui bahasa yang dituturkan oleh masyarakatnya. Kekuatan sesuatu bangsa dapat dilihat melalui kesatuan masyarakat terhadap budaya yang diwarisi sejak turun-temurun terutamanya aspek bahasa. Makanya, tidak hairanlah kita lihat pada hari ini, banyak negara maju kekal menggunakan bahasa masing-masing yang diwarisi sejak turun-temurun. Rakyat negara Perancis, German, Itali, Jepun, Korea Selatan dan Denmark membuktikan bahawa bahasa mereka berupaya menjadikan mereka masyarakat yang berdaya saing, maju dan dikagumi masyarakat di seantero dunia.

Yakinlah bahawa bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan mampu

menyatupadukan rakyat Malaysia, bukannya bahasa Melayu rojak yang diselang-seli dan dicampuradukkan dengan bahasa Inggeris atau bahasa lain. Bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai bahasa basahan, tetapi juga sebagai bahasa rasmi dan tidak rasmi. Bahasa Melayu bukan sahaja dijadikan bahasa perantaraan di sekolah dan universiti, tetapi penggunaannya menjangkau ke peringkat antarabangsa.

Dalam hal ini, bahasa Melayu yang dimaksudkan ialah bahasa Melayu yang standard atau baku dan mempunyai sistem yang sama untuk semua bangsa. Slanga atau loghat mungkin sesuai untuk orang Melayu di negeri tertentu, tetapi apabila bertutur dengan bangsa Melayu dari kawasan atau negeri yang lain dan dengan orang bukan Melayu, bahasa Melayu yang standard wajar digunakan. Inilah bahasa yang diajar dan digunakan di sekolah, dalam buku teks, buku dan majalah serta dalam dokumen rasmi yang lain.

Selain itu, bahasa Melayu sebagai alat perpaduan utama mempunyai masa hadapan yang cerah kerana bahasa Melayu bersikap terbuka terhadap bahasa lain. Sesuatu bahasa yang terlalu kaku, terencil dan statik tidak akan mampu mengadaptasikan dirinya dengan perubahan semasa.

Kendatipun begitu, untuk merealisasikan ini, terlebih dahulu kita perlu memperbetul beberapa kesilapan mengenai konsep bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda. Yang pertama, sejak bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka, bukan lagi menjadi milik tunggal peribumi Melayu, malah bahasa Melayu menjadi milik seluruh warganegara Persekutuan Tanah Melayu.

Jadi, bahasa Melayu dengan sendirinya menjadi hak milik orang Cina, India, Kadazan, Iban, Murut, Mahmeri, Dayak, Semai, Senoi, Rungus dan semua bangsa yang menghuni mandala yang bernama Malaysia ini. **PB**